

# Isu Homograf dan Cabarannya dalam Usaha Pelestarian Tulisan Jawi

*Adi Yasran Abdul Aziz & Hashim Haji Musa*

## ABSTRAK

*Makalah ini bertujuan menjelaskan isu homograf dan cabarannya dalam usaha pelestarian tulisan Jawi berdasarkan penilaian semula terhadap sistem tulisan itu sendiri. Kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada penjelasan tentang sistem tulisan Jawi yang sedia ada tanpa membuat penilaian semula, apatah lagi mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap sistem tersebut. Penilaian semula terhadap sistem tulisan Jawi yang ada sekarang perlu dilakukan demi memastikan ia tetap relevan sebagai alat komunikasi dalam era globalisasi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ejaan Jawi yang ada sekarang masih terdedah kepada perubahan demi perubahan yang sedikit sebanyak telah menghalang usaha pelestariannya, terutama masalah homograf. Dalam sistem yang ada sekarang, apabila berlaku homograf, maka salah satu perkataan tersebut akan mengalami perubahan untuk mengelakkan homograf. Aspek homograf ini akan dinilai semula dan diikuti oleh cadangan penambahbaikan dalam usaha melestarikan sistem tulisan Jawi sebagai salah satu daripada wahana komunikasi dalam era globalisasi.*

**Kata kunci:** *Isu homograf, tulisan Jawi, era globalisasi, pelestarian, komunikasi.*

## Pengenalan

Sejak kebelakangan ini terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam usaha pelestarian bahasa Melayu, termasuklah usaha bagi mengembalikan semula sistem tulisan Jawi sebagai wahana komunikasi dalam era globalisasi. Kini terdapat pelbagai pihak yang sedang berusaha untuk menghidupkan semula tulisan Jawi yang telah pun ‘mati’ pada 29 Januari 2006 apabila terhentinya penerbitan akhbar Utusan Melayu Mingguan. Bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata:

“...penutupan penerbitan akhbar Utusan Melayu Mingguan seharusnya dipandang sebagai satu kematian kepada warisan bangsa kerana tulisan Jawi adalah satu pusaka warisan bangsa

yang telah menjadi skrip rasmi dan lidah Melayu selama lebih 600 tahun. Katanya, masyarakat Melayu tidak seharusnya cuma berpeluk tubuh melihat tulisan Jawi menghilang dari ufuk budaya dan persoalan berat ini menuntut penyelesaian daripada orang Melayu sendiri.... Jika peredaran zaman menjadi alasan sehingga bangsa Melayu tidak lagi berminat dengan tulisan Jawi, bukan sahaja budaya Melayu akan terjejas malah perpaduan Melayu juga tidak akan tercapai....”

(Utusan Malaysia 2006, 9 Feb.)

Kenyataan di atas menggambarkan bahawa salah satu faktor kemerosotan tulisan Jawi ialah kurangnya minat dalam kalangan orang Melayu sendiri. Minat sememangnya tidak boleh dipaksa tetapi boleh dipupuk, terutama melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran. Bagi melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan, maka pelbagai panduan menulis dan mengeja Jawi telah dihasilkan. Antaranya ialah Za'ba (1949), Matlob (1989), *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986), Hamdan (1999), Mohd Hussein (2002), *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005), Che Siah (2006), dan lain-lain lagi (Adi Yasran dan Arbak Othman 2007). Namun begitu, disebabkan masih terdapat beberapa perubahan yang berlaku dalam sistem ejaan Jawi sehingga kini, dan sistem pendidikan secara keseluruhannya, maka bahan pengajaran dan rujukan ejaan Jawi juga perlu dikaji semula supaya sesuai dengan perkembangan semasa.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan permasalahan dalam sistem ejaan Jawi, terutama yang berkait dengan masalah homograf yang sering mengelirukan pengguna. Kajian ini, sama sekali tidak menafikan faktor-faktor luaran yang turut sama menyumbang kepada kemerosotan tulisan Jawi seperti masalah pengajaran Jawi dalam mata pelajaran Agama Islam (bukannya mata pelajaran Bahasa Melayu), j-QAF dan sebagainya. Perkara ini telah dibincangkan dalam Hashim dan Adi Yasran (2008).

## Latar Belakang Sistem Tulisan Jawi

Sistem tulisan Jawi yang digunakan sekarang ialah berdasarkan sistem yang terdapat dalam buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) yang diterbitkan secara rasmi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1986 (edisi kedua 1987; edisi ketiga 1993). Hal ini dinyatakan dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005) seperti berikut:

“...Sistem ini merupakan sistem ejaan Jawi yang disempurnakan atau dimantapkan daripada Kedah Ejaan Jawi yang digunakan sebelumnya yang berasaskan Kaedah Ejaan Jawi Za’ba (sebagaimana yang terdapat dalam buku *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi*, 1949). *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986) dihasilkan daripada rumusan Konvensyen Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1984. Hasil Konvensyen tahun 1984 itu telah diselaraskan dan diperkemas dengan maklumat yang diperoleh daripada Konvensyen Tulisan Jawi anjuran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 1991 dan Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan pada tahun 1993. Semua maklumat tersebut disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994...”

Terdapat arahan khusus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengehendaki PEJYD ini digunakan di seluruh negara seperti yang dinyatakan dalam Petikan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992 di bawah:

“...Mulai dari tarikh ini (22 Jan. 1992) Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh negara...”

(Kementerian Pelajaran Malaysia)

Bagaimanapun PEJYD ini kemudiannya digantikan dengan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu* (PUEJBM) yang disisipkan dalam buku *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005). Ia merupakan maklumat terkini tentang sistem ejaan Jawi yang disusun berdasarkan dokumen-dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan oleh DBP, dan maklumat-maklumat pedoman ejaan Jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada PEJYD (Edisi ketiga 1993) dan *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* (1989). Oleh sebab PUEJBM dianggap sebagai pedoman ejaan Jawi terkini, maka kajian ini akan menjadikan buku ini sebagai panduan asas.

Oleh sebab PUEJBM adalah lanjutan daripada sistem ejaan Jawi Za’ba, maka prinsip ejaan Jawi Za’ba perlu diberi perhatian dalam usaha memantapkan sistem ejaan Jawi sekarang. Pada dasarnya, sistem ejaan Za’ba ini berasaskan kepada tiga prinsip, iaitu:

- i. Ekonomi  
Ejaan ini menggunakan seminimum bilangan huruf seperti perkataan maka, pada, daripada, kepada dan sebagainya.
- ii. Kepastian  
Ejaan yang menimbulkan kesamaran sebutan, hendaklah diubah suai ejaannya seperti menambah huruf saksi supaya lebih jelas bunyinya serta dapat mengurangkan kesamarannya.
- iii. Ramai Pengguna  
Jika satu perkataan itu terdapat kelainan ejaan dan ramai penggunaanya serta tidak menimbulkan sebarang kesamaran, kedua-dua ejaan tersebut boleh diterima pakai.

(Mohd Hussein 2002)

Dalam pendahuluan *Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu* (PEJBM) iaitu penerbitan semula PUEJBM, Ismail dan Manshoor (pnys.) (2004) menyatakan bahawa sistem ejaan Za'ba ini telah diubah suai berdasarkan kepada sistem bunyi (fonologi) dan bentuk kata dalam bahasa Melayu dan telah dipecahkan kepada tiga kelompok ejaan, iaitu:

- i. Kata Melayu Jati
- ii. Kata serapan Arab
- iii. Kata serapan Inggeris dan bahasa asing yang lain

Ketiga-tiga kelompok ini mempunyai sistem ejaan yang tersendiri. Perbezaan yang agak ketara ialah pada pengejaan kata serapan Arab yang secara umumnya masih mengekalkan sistem ejaan daripada bahasa sumber. Bagaimanapun permasalahan homograf yang akan dibincangkan dalam makalah ini lebih tertumpu kepada ejaan kata Melayu jati.

## Penyataan Masalah

Demi mematuhi prinsip kepastian Za'ba, apabila berlaku homograf, maka salah satu perkataan tersebut akan ditambah huruf saksi, terutamanya huruf *alif* untuk mengelakkan kekeliruan. Bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, penambahan huruf *alif* ini didapati hanya mampu mengelakkan homograf berlaku, namun kekeliruan masih wujud dan tidak menepati prinsip ekonomi. Homograf yang agak mengelirukan ini wujud dalam ketiga-tiga jenis ejaan kata Melayu jati, iaitu ejaan mengikut hukum / lampau hukum, ejaan tradisi, dan ejaan lazim.

## Homograf

Homograf merujuk kepada dua kata atau lebih yang sama ejaan tetapi berlainan maknanya. Homograf juga boleh berlaku serentak dengan homonim (bunyi sama), misalnya *jaga* (bangkit) dengan *jaga* (pengawal keselamatan) yang sama bunyi dalam sebutan baku. Homograf banyak berlaku dalam tulisan Jawi kerana sistem tulisan Jawi hanya menggunakan empat huruf vokal berbanding dengan enam huruf dalam tulisan Rumi. Bagaimanapun terdapat beberapa cara yang digunakan untuk mengelakkan homograf berlaku terutama dengan menambah huruf *alif* pada bunyi [a].

## Penghindaran Bentuk Homograf

Berikut ialah rumusan Ismail Dahaman (1991) tentang penghindaran bentuk homograf dalam PEJYD.

“...Pengejaan kata dasar dwisuku dalam *PEJYD* telah menampilkan dua rumusan yang memberi manfaat kepada sistem ejaan Jawi ini dan penggunaannya dari segi mengurangkan bentuk homograf dengan tujuan untuk menghindarkan kekeliruan bacaan dan pengenalan makna kata. Dua rumusan tersebut ialah (i) penghapusan homograf yang mempertentangkan vokal [a] dengan pepet; dan (ii) penghapusan homograf yang mempertentangkan vokal [i] atau [e] dengan diftong [ai], serta yang mempertentangkan vokal [u] atau [o] dengan diftong [au].

- i. ... Homograf dihapuskan bagi membezakan bunyi diftong [ai] dan [au] dengan bunyi vokal [i] atau [e] dan [u] atau [o]. Ditetapkan diftong dieja dengan *alif-ya* [ai] dan *alif-wau* [au] yang dibezakan daripada vokal *ya* [i] atau [e] dan *wau* [u] atau [o]. Contohnya: Homograf yang dieja گولي bagi *guli* dan گولاي dieja semula menjadi:

گولي = guli

گولاي = gulai

- ii. Homograf dikurangkan dengan cara membezakan ejaan bagi kata yang berlainan maknanya, iaitu khusus bagi kes homograf yang mempertentangkan vokal [a] dengan vokal pepet. Contohnya: Homograf لنتيق bagi *lantik* dan *lentik* dieja semula menjadi:

لانتيق = lantik

لنتيق = lentik

Pengemasan yang dibuat ialah dengan menggunakan huruf *alif* sebagai lambang bagi vokal [a] di suku kata tertutup untuk membezakannya daripada vokal pepet yang tidak dilambangkan dengan huruf....”

Berdasarkan PEJYD di atas, ejaan bagi mengelakkan homograf antara diftong dengan vokal amat sesuai dan tidak mengelirukan kerana ia melibatkan penambahan *alif* ke atas semua bentuk diftong /ai/ dan /au/. Namun, ejaan bagi mengelakkan homograf antara perkataan berpola KaKKV(K) dan K↔KKV(K) seperti lantik dan lentik di atas, masih mengelirukan kerana ia hanya melibatkan penambahan *alif* pada perkataan yang homograf sahaja.

Selain daripada dua bentuk homograf ejaan lazim di atas, terdapat beberapa bentuk homograf lain yang sering menimbulkan kekeliruan kepada pengguna, iaitu homograf dalam ejaan mengikut hukum *kaf* dan *ga*, lampau hukum luar darlung, dan ejaan tradisi.

### i. Homograf dalam hukum *kaf* dan *ga*

Hukum *kaf* dan *ga* ialah hukum yang melibatkan kata yang berakhir dengan bunyi /ka/ atau /ga/ dalam bahasa Melayu jati. Huruf *kaf* dan *ga* pada akhir kata tersebut tidak diberi lambang alif melainkan jika berlaku homograf atau menimbulkan kekeliruan seperti ketiadaan huruf vokal

Jawi	Rumi	Jawi	Rumi
بيك	beg		bega
بيك	bek		beka
	cek		ceka
	dek		deka
	etik		etika
	lega		liga
	fizik		fizika
	harmonik	هرمونيكا	harmonika

pada suku kata praakhir, misalnya *teka* (تكا), *lega* (لغا), dan *sega* (سغا) (licin berkilat)). Ejaan ini adalah selaras dengan ejaan lazim bagi perkataan *peta*, *kena*, *keras*, *bela* dan sebagainya. Menurut PUEJBM huruf *alif* digunakan untuk membezakan kata dwisuku dengan kata ekasuku atau dua kata yang berbeza maknanya seperti berikut:

Berdasarkan contoh yang dinyatakan dalam PUEJBM di atas, didapati tidak banyak masalah yang timbul, kecuali pasangan kata *lega* – *liga* kerana kedua-duanya berakhir dengan bunyi /a/. Kekeliruan ini berlaku kerana kata *lega* (tunduk) amat jarang digunakan dan tidak diketahui umum. Selain itu, terdapat juga bentuk homograf yang masih dikekalkan seperti pasangan kata *bank* – *bangka* yang dieja بڠك. Masalah ini dapat diselesaikan jika *bank* dieja بڠك seperti ejaan dalam *Daftar Ejaan Rumi – Jawi* (2002), sebagaimana *teks* dieja تيكس, *golf* dieja گولف, tanpa menyambung dua huruf konsonan rangkap akhir kata. Ejaan sebegini sesuai dengan sistem fonologi bahasa Melayu yang tidak membenarkan kehadiran konsonan rangkap dalam satu suku kata. Sistem ejaan *kaf* dan *ga* ini perlu dihadkan kepada sistem ejaan kata Melayu jati sahaja. Oleh itu, kaedah ejaan ini tidak termasuk kekecualian disebabkan masalah homograf seperti di atas, kata serapan seperti *giga* yang dieja گيگا, akronim seperti *tabika* yang dieja تابيكا dan kata nama khas seperti *Afrika* yang dieja افريكا.

Selain itu, Matlob (2003: 90) membezakan ejaan perkataan *jaga* dengan dua cara. Perkataan *jaga* bagi maksud *bangkit* atau *awas* dieja جاك, tetapi *jaga* bagi maksud *sejenis pekerjaan* (pengawal keselamatan) dieja جاگا. Bagaimanapun beliau tidak menjelaskan mengapa hal ini berlaku. Namun begitu, semasa sebutan baku dimansuhkan oleh jemaah menteri kabinet pada tahun 2000, Matlob berpendapat bahawa sistem ejaan Jawi yang berdasarkan sebutan baku boleh dikembalikan kepada bentuk asalnya (*Utusan Malaysia*, 2 Februari 2000). Ini bermakna perkataan *jaga* seharusnya disebut dengan dua cara seperti sebelumnya, iaitu [ja.g↔] dan [ja.ga], dan ditulis dalam tulisan Jawi dengan dua cara juga sebagaimana yang telah disarankan oleh Matlob di atas.

## ii. Homograf dalam hukum luar darlung

Bagi menjelaskan homograf jenis ini, maka hukum darlung dan luar darlung perlu dijelaskan terlebih dahulu.

### **Hukum darlung**

Ejaan Jawi mengikut hukum darlung berlaku apabila memenuhi syarat berikut:

- a. Kata Melayu jati dan serapan bukan Arab
- b. Suku kata akhir dan praakhir diakhiri dengan vokal /a/.
- c. Suku kata akhir dimulai dengan salah satu huruf darlung, iaitu *dal*, *ra*, *lam*, *wau*, dan *nga*.

Mengikut hukum ini huruf *alif* hendaklah ditambah di akhir kata, kecuali pada ejaan Jawi tradisi seperti *ada*, *tiada*, *pada*, *kepada*, dan *daripada*.

### **Hukum luar darlung**

Hukum luar darlung adalah berdasarkan syarat yang sama seperti hukum darlung, kecuali suku kata akhirnya dimulai dengan salah satu huruf selain daripada huruf *dal*, *ra*, *lam*, *wau*, dan *nga*. Mengikut hukum ini, huruf *alif* tidak diletakkan pada akhir kata kecuali jika berlaku homograf atau untuk mengelakkan berlaku kekeliruan. Berikut adalah contoh hukum luar darlung yang terdapat dalam PUEJBM.

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
ساي	saya
راس	rasa
باج	baja
تانا	tanya
ماتا	mata

### **Lampau hukum luar darlung**

Jika sesuatu kata itu memenuhi syarat hukum luar darlung, tetapi tetap menambah *alif* di akhir kata sebagaimana hukum darlung, maka ejaan ini dianggap sebagai ejaan lampau hukum luar darlung. Ejaan seperti ini bertujuan mengelakkan homograf dan kekeliruan daripada berlaku. Contoh ejaan lampau hukum luar darlung yang terdapat dalam PUEJBM adalah seperti berikut:



Jawi	Rumi	Jawi	Rumi
باشا	basya (Turki)		data (Inggeris)
	dana (Homograf dengan dan)	فاسا	fasa (Inggeris)
ماما	mama (Inggeris)	نانا	nana (abang – Tamil)
	papa (Inggeris / homograf dengan papa – sangat miskin)	فاشا	pasya (asing)

Contoh di atas menunjukkan bahawa terdapat dua kategori ejaan lampau hukum luar darlung, iaitu lampau hukum luar darlung untuk mengelakkan homograf dan lampau hukum luar darlung untuk mengelakkan kekeliruan.

a. *Lampau hukum luar darlung untuk mengelakkan homograf*

Dalam contoh di atas, terdapat dua perkataan yang akan menjadi homograf sekiranya tidak ditambah *alif*, iaitu *dana* – *dan* dan *papa* (*huda*) – *papa* (*miskin*). Selain itu, terdapat beberapa pasangan perkataan lain yang akan menjadi homograf jika ejaan lampau hukum luar darlung tidak dituntut, seperti *taja* – *tai*, *baba* – *bah*, *lama* – *lam*, *puasa* – *puas*, *seraya* – *serat*, *buaya* – *buai*, *biasa* – *bias* dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kata yang sukar dikesan kewujudan pasangan kata homografinya dalam bahasa Melayu melainkan dengan merujuk kamus terlebih dahulu. Misalnya, perkataan *supaya* dieja سوفايا kerana terdapat perkataan *supai* (askar India), dan budaya dieja بودايا kerana terdapat perkataan *budai* (sejenis bedil - *Kamus Bahasa Melayu Brunei* Edisi Kedua) dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005), walaupun tiada dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat.

Selain itu, terdapat juga kata yang sepatutnya termasuk dalam ejaan lampau hukum luar darlung tetapi dibiarkan homograf berlaku tanpa penambahan *alif*. Misalnya, perkataan *maya* dengan *mai* (*mari*), *raya* dengan *rai* (sejenis tumbuhan bijirin), *baya* dengan *bai* (panggilan kepada lelaki Benggali), *bahaya* dengan *Bahai* (sejenis kepercayaan), dan *kuasa* dengan *kuas* (berus untuk melukis). Perkataan *leluasa* pula dieja dengan menambah *alif* di akhir kata ( ) sedangkan kata tersebut tidak ada pasangan homografinya. Kekeliruan ini dapat dielakkan sekiranya hanya pasangan kata umum bahasa Melayu jati yang digunakan secara meluas

dan telah mantap penggunaannya sahaja yang perlu dielak daripada berlakunya homograf. Jika ketetapan ini diambil sistem ejaan ini dapat dilestarikan dalam mendepani cabaran era globalisasi.

b. *Lampau hukum luar darlung untuk mengelakkan kekeliruan*

Lampau hukum luar darlung untuk mengelakkan kekeliruan agak kabur kerana perkataan *keliru* tersebut bersifat subjektif. Hasil penelitian terhadap beberapa kamus dan daftar kata Melayu didapati jumlah perkataan yang termasuk dalam kategori ini amat terhad. Contoh lain yang dijumpai ialah *frasa* (*phrase*) dan *parafrasa* (*paraphrase*). Kesukaran untuk mencari perkataan di bawah kategori ini berlaku apabila didapati banyak kata serapan dalam kamus yang tidak dinyatakan bahasa sumbernya. Selain itu, akronim seperti *PATA*, *FAMA*, *KAFA*, *NASA*, dan kata nama khas seperti *Malaya*, *Bata*, *Obama* termasuk dalam kategori ini.

Oleh itu, bagi melestarikan sistem ejaan Jawi, perkataan yang termasuk dalam kategori ini hendaklah kata serapan bukan Arab, akronim dan kata nama khas sahaja dan hendaklah dinyatakan bahasa sumbernya dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* dan *Kamus Dewan* supaya sistem ejaan ini dapat difahami oleh pengguna. Jika kaedah ini diterima, mungkin terdapat beberapa perkataan yang perlu diperbetulkan ejaannya seperti *papaya* yang dieja dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005), sepatutnya dieja فافايا kerana ia merupakan kata serapan Inggeris. Selain itu, perkataan *papa* (bapa) dan *pasya* perlu disenaraikan dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* kerana perkataan ini terdapat dalam PUEJBM dalam buku yang sama.

iii. **Homograf dalam ejaan tradisi**

Ejaan tradisi ialah ejaan yang menggunakan kaedah baris tetapi baris tersebut telah digugurkan atau tidak ketara lagi (Mohd Hussein 2002). Dalam makalah ini pengertian ini telah disempitkan kepada sistem ejaan yang selain daripada ejaan lazim dan ejaan mengikut hukum supaya tidak berlaku pertindanan. Misalnya, perkataan *beta*, *kita*, *lima*, *pada*, *dia*, *ini*, dan *ia* telah disenaraikan oleh Mohd Hussein sebagai ejaan tradisi. Namun, ejaan ini juga tidak sunyi daripada berlaku homograf seperti di bawah:

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
beta	بيتا	bet/bit	بيت
kita	كيت	kit	
lima	ليم	lim ( <i>gam</i> )	ليم
pada	فدا	pad	فدا
dia	دي	d	دي
ini	اين	Inn	اين
ia	اي	ia ( <i>ya</i> )	ايا
		a	أي
		e	إي
		i	اعی

Daripada senarai di atas hanya perkataan *beta* sahaja daripada senarai ejaan tradisi yang mengalami perubahan ejaan daripada بيت kepada بيتا dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu*, sedangkan dalam buku yang sama (hlm. 109) masih dieja بيت. Perkataan *lim* (kata serapan Indonesia-Belanda), huruf *d*, *Inn*, huruf *a*, *e*, dan *i* belum disenaraikan dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu*. Perkataan *ini* dan *ia* dikekalkan, tetapi pasangannya dieja dengan cara berbeza untuk mengelakkan homograf. Oleh sebab homograf dalam ejaan tradisi hanya melibatkan jumlah yang amat kecil, maka disarankan agar ejaan tradisi ini dikekalkan demi menjaga keaslian dan kemantapan sistem ejaan Jawi, termasuklah perkataan *beta*. Perbezaan dengan pasangan homografnya, hendaklah dibuat berdasarkan penggunaan kata dalam ayat kerana semua komunikasi lisan dan tulisan akan melibatkan penggunaan ayat. Dengan cara ini, perubahan ejaan tradisi tidak akan berlaku lagi.

#### iv. Homograf dalam suku kata KVKKV(K)

Huruf vokal *alif* perlu digunakan sebagai lambang bagi bunyi [a] di suku kata pra-akhir tertutup untuk membezakannya daripada bunyi vokal *pepet* yang tidak dilambangkan dengan huruf Jawi, terutamanya apabila mengeja kata yang berpola KVKKVK. Aturan pengejaan ini adalah khusus bagi mengeja semula bentuk homograf yang agak banyak juga terdapat dalam

sistem ejaan Jawi lama. Aturan ini mungkin diperluas bagi pengejaan kata yang berpola KVKKV (PUEJBM 2005).

Menurut Ismail Dahaman (1991):

“*Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia dan Daftar Ejaan Rumi-Jawi* (1988) menyenaraikan lebih kurang 40 pasangan kata yang berpola KVKKV yang mempertentangkan vokal [a] dengan vokal *pepet* di suku kata pertama. Dalam ejaan Rumi, tidak wujud homograf bagi kes ini. Jumlah sebesar ini akan memberikan semacam kekacauan dalam sistem Jawi sekiranya homograf bagi kes ini dibiarkan kekal.”

Pandangan di atas adalah rumusan yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984.

Bagaimanapun berdasarkan analisis terhadap *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005), terdapat sebanyak 143 patah perkataan berpola KaNKV(K) yang dibubuh *alif* pada suku kata pertama bagi mengelakkan homograf dengan perkataan yang berpola KeNKV(K). Jumlah ini tidak termasuk KVKKV(K) yang lain seperti *rasmi – resmi, karya – keria* dan sebagainya. Berikut adalah 50 contoh perkataan yang diambil secara rawak dalam daftar tersebut.

50 contoh di atas memang sengaja dipaparkan supaya permasalahan yang timbul dapat dinilai bersama. Berdasarkan contoh tersebut didapati banyak perkataan berpola KeNKV(K) yang jarang digunakan dan mungkin tidak diketahui oleh pakar tulisan Jawi sendiri. Akibatnya, permasalahan lain telah timbul, iaitu:

- i. Langkah menambah *alif* pada suku kata pertama perkataan berpola KVKKV(K) yang homograf sahaja hanya dapat menyelesaikan masalah membaca Jawi, tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah menulis Jawi. Apakah mungkin kesemua perkataan berpola KeKKV(K) yang homograf dengan KaKKV(K) itu dihafal? Apakah akan ada bahan bacaan sekiranya tiada orang yang ingin menulis kerana menghadapi kesukaran dalam mengeja Jawi?
- ii. Jika dalam *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* (1988) terdapat lebih kurang 40 pasang kata KVKKV(K) yang homograf, dan *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005) meningkat sehingga melebihi 140 pasangan kata, apakah jumlah ini dapat dikekalkan dalam usaha untuk memantapkan dan melestarikan tulisan Jawi? Pengguna pastinya berasa tidak selesa menggunakan sistem tulisan yang sentiasa berubah-ubah.

<b>Bil.</b>	<b>Rumi</b>	<b>Jawi</b>	<b>Rumi</b>	<b>Jawi</b>
1.	bandul	باندول	bendul	بندول
2.	banci	بانچي	benci	بنچي
3.	bangkah	باغكه	bengkah	بئكه
4.	bangkal	باغكل	bengkal	بئكل
5.	bangkar	باغكر	bengkar	بئكر
6.	cancang	چانچغ	cencang	چنچغ
7.	cangking	چاغكئغ	cengking	چنچكئغ
8.	cangkir	چاغكئر	cengkir	چنچكئر
9.	cangkung	چاغكوغ	cengkung	چنچكوغ
10.	dandang	داندغ	dendang	دننغ
11.	gambar	گامبر	gembar	گمبر
12.	gambut	گامبوت	gembut	گمبوت
13.	gampar	گامپر	gempar	گمپر
14.	ganding	گانديغ	gending	گنديغ
15.	ganggang	گاغنگغ	genggang	گنچنگغ
16.	ganjak	گانجق	genjak	گنجق
17.	ganjur	گانجور	genjur	گنجور
18.	gantar	گانتر	gentar	گنتر
19.	gantung	گانتيغ	genting	گنتيغ
20.	hambus	هامبوس	hembus	همبوس
21.	hampas	هامفاس	hempas	همفاس
22.	jamba	جامبا	jemba	جمبا
23.	jambak	جامبق	jembak	جمبق
24.	kambu	كامبو	kembu	كمبو
25.	kampit	كامپيت	kempit	کمپيت
26.	kampuh	كامپوه	kempuh	کمپوه
27.	kampung	كامپوغ	kempung	کمپوغ
28.	kancing	کانچيغ	kencing	کنچيغ
29.	kandang	کاندغ	kendang	کندغ
30.	kandung	کاندوغ	kendung	کندوغ
31.	kantung	کانتوغ	kentung	کنتوغ

Bil.	Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
32.	lambang	لامبڠ	lambang	لمبڠ
33.	lambung	لامبوغ	lambung	
34.	lambur	لامبور	lambur	لمبور
35.	lambut	لامبوت	lambut	لمبوت
36.	lampai	لامقاي	lampai	لمقاي
37.	lampam	لامقم	lampam	لمقم
38.	lampuh		lempuh	لمقوه
39.	lampuk	لامفوك	lembur	لمفوك
40.	langkap	لاغكف	lengkap	لغكف
41.	lantang	لانتيغ	lentang	لنتيغ
42.	lantik	لانتيق	lentik	لنتيق
43.	pantas	قانتس	pentas	قتس
44.	rambang	رامبڠ	rembang	رمبڠ
45.	sandi	ساندي	sendi	سندي
46.	sanda	ساندا	senda	سندا
47.	santap	سانتف	sentap	سنتف
48.	tampa	تامقا	tempa	تمقا
49.	tandang	تانديغ	tendang	تنديغ
50.	tandas	تانديس	tendas	

Hamdan (1999), turut menyenaraikan perkataan *tambun* dan *kampus* sebagai pasangan homograf kepada *tembun* dan *kempus*. Namun begitu, hanya pasangan kata *tambun – tembun* sahaja ditemui dalam *Kamus Dewan* tetapi belum tersenarai dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2005). Bagi pasangan kata *kampus – kempus*, hanya perkataan *kampus* sahaja ditemui dalam kedua-dua sumber rujukan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa dua kemungkinan boleh berlaku pada masa akan datang. Pertama, apabila sejumlah 34 578 entri *Kamus Dewan* Edisi Keempat disenaraikan dalam *Daftar Kata Bahasa Melayu* yang berjumlah 18 400, pastinya akan berlaku penambahan dalam jumlah perkataan yang homograf. Kedua, jika *Kamus Dewan* Edisi Keempat menambah 5843 entri baharu, apakah perkara ini tidak akan berulang pada edisi akan datang? Sekiranya hal ini berlaku mungkin banyak lagi

kata yang akan menjadi homograf dan perubahan akan terus berlaku dari semasa ke semasa.

Bagi melestarikan sistem tulisan Jawi yang dapat mengurangkan kekeliruan disebabkan homograf, berikut dicadangkan dua alternatif lain mengikut keutamaan.

- a. Sistem ejaan kembali kepada bentuk asal, iaitu tanpa menambah *alif*, tetapi dalam daftar kata atau kamus perkataan tersebut hendaklah diberi nilai bunyi dalam kurungan dengan tanda baris atas sebagai ganti *alif* pembeza yang diamalkan sekarang. Cara ini mematuhi prinsip ekonomi dan ramai pengguna seperti yang telah digariskan oleh Za'ba.
- b. Sistem ejaan kekal, namun penggunaan *alif* hendaklah secara menyeluruh, iaitu semua vokal /a/ dalam suku kata awal pola KVKKVK dibubuh *alif*. Cara ini akan melibatkan perubahan yang agak besar. Cara ini memenuhi prinsip kepastian tetapi tidak ekonomi dan jarang digunakan.

Sebenarnya dalam tulisan Rumi sendiri pun banyak perkataan yang homograf sama ada homograf yang berlaku serentak dengan homonim, atau homograf sahaja seperti *semak*, *perang*, *bela* dan sebagainya. Dalam sistem tulisan Rumi, homograf seperti ini biasanya hanya dibezakan oleh penggunaannya dalam ayat. Justeru, apakah yang menghalang pengguna Jawi menggunakan kaedah yang sama untuk membezakan bentuk homograf dalam tulisan Jawi?

## **Kesimpulan**

Berdasarkan penjelasan terhadap masalah homograf di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sistem mengeja perkataan homograf dalam tulisan Jawi masih terdedah kepada perubahan demi perubahan. Bagi kaedah ejaan lazim yang melibat diftong /ai/ dan /au/, penambahbaikan yang dibuat dengan menambah *alif* untuk bunyi vokal /a/ dalam diftong berjaya menghilangkan kekeliruan dan bersifat tekal. Begitu juga dengan homograf dalam ejaan tradisi yang telah ditangani dengan baik oleh sistem yang ada sekarang. Namun, bagi homograf yang berpola KVKKV(K) didapati sistem yang ada sekarang tidak tekal dan masih terdedah kepada kekeliruan. Begitu juga dengan homograf dalam ejaan mengikut hukum *kaf* dan *ga*, dan hukum luar darlung. Keadaan seperti ini akan menyumbang kepada perkembangan yang tidak sihat dalam sistem tulisan

Jawi. Oleh itu, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan bagi memastikan usaha pelestarian sistem tulisan Jawi dalam era globalisasi mencapai kejayaan dan bergerak maju seiring dengan tulisan Rumi.

## Rujukan

- Adi Yasran dan Arbak Othman (2007). Sistem Tulisan Jawi Berdasarkan Pendekatan Fonetik dan Fonologi, dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-3*, Serdang. Hlm. 364-372.
- Amat Juhari Moain (1996). *Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Siah Che Man (2006). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi Jawi* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (2005). Jilid I & II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman (1999). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa dan Adi Yasran (2008). Tulisan Jawi dalam Penerbitan Buku Pendidikan dan Bacaan Umum Demi Peningkatan Tambah Nilainya. *Prosiding Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi*, 25-27 Ogos, Shah Alam. Hlm. 102-115.
- Ismail Dahaman dan Manshoor Ahmad (pnys.) (2004). Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman (1991). Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan 1986. Kertas Kerja Konvensyen Tulisan Jawi 6-8 November, Kuala Lumpur.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua* (2007). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Portal Rasmi Bahagian Sekolah (2006). (dalam talian) <http://apps.emoe.gov.my/bs/spi/1992/1-1992.pdf>
- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Matlob (2003). *Pandai Jawi, Pandai Khat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Matlob.
- Matlob (2003). *Pandai Jawi*. Shah Alam: Cerdik Publication.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia* (2000). 2 Februari. (dalam talian) <http://161.139.39.251/akhbar/bahasa.mal/2000/um002022.htm>
- Utusan Malaysia* (2006). 9 Februari. (dalam talian) [http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0209&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0209&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm)
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1949). *Daftar Ejaan Melayu (Jawi Rumi)*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1965). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I (Permulaan Nahu Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 

ADI YASRAN ABDUL AZIZ, (Dr.); HASHIM HAJI MUSA, (Prof. Dr.), Universiti Putra Malaysia. Adi Yasran boleh dihubungi melalui e-mail [adi@fbmk.upm.edu.my](mailto:adi@fbmk.upm.edu.my). Prof. Hashim Haji Musa melalui e-mail [hasyim@fbmk.upm.edu.my](mailto:hasyim@fbmk.upm.edu.my)